

ANTARA DUA DUNIA: MEMAHAMI PENGALAMAN HIDUP TRANSEKSUAL

Haslee Sharil Lim Abdullah

Lau Poh Li

Salmi Jalina Jalil

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memahami pengalaman hidup golongan transeksual. Penyelidik menggunakan kaedah temubual separa struktur bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Seramai tiga (3) orang responden transeksual lelaki kepada wanita yang berusia 30-an, 40-an dan 50-an terlibat dalam kajian ini. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan topik dan sub-topik. Topik utama dalam kajian ini ialah pengalaman hidup golongan transeksual dan empat (4) sub-topik dalam kajian ini ialah pengalaman zaman kanak-kanak dan remaja, hubungan dengan keluarga, pekerjaan dan kehidupan sosial golongan transeksual. Dapatan dalam kajian ini berupaya memberikan pemahaman yang lebih jelas terhadap golongan transeksual. Di samping itu, dapatan ini boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan golongan transeksual dalam melaksanakan dasar, intervensi, program dan juga kaunseling. Kajian ini juga adalah sebagai pembuka jalan kepada kajian-kajian lain yang melibatkan golongan transeksual khususnya

kajian yang melibatkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang mempunyai kecenderungan kepada identiti transeksual.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Transeksualism merupakan salah satu sub-kategori dalam istilah transgender. Transeksualism merupakan kecelaruan identiti di mana seseorang itu lebih suka untuk menerima, mempamer, hidup dan diterima sebagai jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka (Noraini Mohd Noor, et.al, 2005). Terdapat pelbagai terminalogi digunakan bagi menerangkan individu yang tidak termasuk dalam kumpulan lelaki atau perempuan. Sebagai contoh, istilah “mak nyah” “bapok”, “pondan”, “darai” dan “bantut” merupakan antara istilah yang digunakan di Malaysia bagi merujuk kepada lelaki transeksual (Geetanjali Misra & Radhika Chandiramani, 2005). Manakala di beberapa negara lain, golongan ini dikenali sebagai *hijraa* (India), *berdache* (Amerika Utara), *Mahu* (Polynesia), *Hwame* di Mojave (Noraini Mohd Noor, et.al, 2005) dan *waria* di Indonesia (Koeswinarna, 2004).

Istilah transeksual pertama kali muncul dalam penulisan Hirschfeld (1923), namun istilah ini hanya digunakan secara meluas pada 1950-an (David I. Rowland & Luca Incrocci, 2008). Istilah ini menerangkan individu tersebut mempunyai keinginan yang kuat untuk hidup sebagai jantina yang berbeza dengan jantina asal dan juga berkeinginan untuk menukar jantina supaya dapat menjalani kehidupan yang diinginkan. Dalam Oxford Dictionary Of Sociology (Gordon Marshall, 1998), turut mendefinisikan istilah transeksual sebagai individu yang lahir sebagai jantina tertentu, namun ingin menjadi jantina sebaliknya, ingin menjalani pembedahan menukar jantina dan ingin hidup sepenuhnya sebagai jantina yang diinginkan. Istilah dan kriteria transeksual seperti yang telah dinyatakan ini juga turut digunakan dalam

International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems (ICD-10; World Health Organization, 1992).

Terdapat penulisan yang menyatakan bahawa seseorang individu itu tidak dikatakan sebagai transeksual sekiranya mereka hanya melakukan pembedahan pertukaran jantina (Ruth K. Westheimer & Sanford Lopater, 2002). Ini kerana golongan transeksual yang melakukan pembedahan pertukaran jantina telah lama menjalani hidup sebagai jantina yang diinginkan, mereka yakin dan percaya apa yang mereka rasa dan bagaimana untuk mereka kelihatan. Golongan ini juga tidak merasakan diri mereka sebagai homoseksual, tetapi merasakan diri mereka merupakan jantina sebaliknya yang terperangkap dalam jantina mereka sekarang.

Transeksualiti juga dikenali sebagai gender dysphoria (Ruth K. Westheimer & Sanford Lopater, 2002). Gender dysphoria merupakan kesedihan dan kedukaan yang keterlaluan kerana ketidaksesuaian jantina biologi dengan peranan jantina yang dimainkan. Ketidakkongruenan antara diri sebenar dengan diri ideal juga boleh membawa pelbagai isu dalam kehidupan seseorang seperti kemurungan dan kecelaruan (Roger, 1957) seterusnya memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi seseorang. Dalam situasi ini, sesuatu perlu dilakukan bagi mencari jalan terbaik bagi membantu golongan ini agar mereka tidak terus berada dalam dunia mereka sendiri. Antara pelopor kajian berkaitan gender dysphoria ini adalah Harry Benjamin, doktor perubatan yang merupakan salah seorang ahli The Society for The Scientific Study of Sex. Beliau membuat kajian berkaitan transeksual antara tahun 1938 dan 1953 (Schaefer & Wheeler, 1995). Kebanyakan pesakit beliau menggunakan terma yang sama untuk menerangkan diri mereka sebagai terperangkap dalam badan jantina lain.

Harry Benjamin (1966) juga menyatakan, golongan transeksual amat tidak gembira dengan jantina asal mereka. Berpakaian seperti jantina sebaliknya hanya sebagai kepuasan sementara sahaja. Golongan transeksual yang sebenar merasakan mereka adalah berjantina berlawanan dengan jantina asal mereka. Mereka ingin menjadi dan berfungsi sebagai jantina sebaliknya, bukan sekadar berpenampilan seperti jantina yang diinginkan. Bagi mereka, alat kelamin perlu diubah melalui pembedahan pertukaran jantina. Benjamin juga telah membahagikan golongan transeksual kepada tiga kumpulan mengikut tahap. Tahap rendah iaitu kumpulan satu merupakan golongan transeksual yang tidak sedar bahawa mereka memuaskan keinginan mereka melalui silang pakaian (*cross-dressing*). Mereka dikenali sebagai transvetisme. Golongan transeksual dalam kumpulan dua iaitu tahap sederhana mempunyai keinginan yang lebih tinggi untuk memuaskan kehendak dan menyeimbangkan emosi mereka. Pada tahap ini, silang pakaian tidak lagi mampu untuk memuaskan mereka. Mereka bergerak ke arah beberapa perubahan fizikal khususnya pada bahagian buah dada. Pada tahap ini mereka mula goyah di antara kepuasan transvetisme dengan kehendak transeksual untuk melakukan perubahan. Kumpulan ketiga merupakan kumpulan transeksual tahap tinggi iaitu mereka yang cukup sempurna (*full-fledged*) sebagai transeksual dan dikenali sebagai transeksual sebenar (*true transsexual*).

Dalam *Psychological Perspectives On Human Sexuality* (2000) menyatakan bahawa transeksual lelaki kepada perempuan dibahagikan kepada dua kategori iaitu primer dan sekunder (Person & Ovesey, 1974a.1974b). Transeksual primer merasakan mereka lebih “semulajadi” wanita (Stoller, 1968), mendapatkan rawatan pada awal usia dan membuat penyesuaian yang lebih baik dari transeksual sekunder, Manakala perkembangan ciri-ciri transeksual oleh transeksual sekunder adalah secara beransur-ansur.

Dalam kajian-kajian dan penulisan lepas, terdapat pelbagai faktor dikaitkan dengan pembentukan dan perkembangan transeksual. Noraini Mohd Noor et.al (2005) menyatakan bahawa faktor penolakan ibu bapa kerana mereka menginginkan jantina anak yang sebaliknya menyebabkan anak tersebut didedahkan terlalu awal dengan idea maskuliniti dan feminiti, memakaikan anak dengan pakaian yang berlawanan jantina, cara anak dibesarkan, peranan ibu bapa yang bertukar di mana ibu memainkan peranan bapa dan bapa pula sama ada tiada atau amat kurang memainkan peranan beliau dan juga kurang pengetahuan agama. Pandangan ini cenderung ke arah pengaruh faktor psikologi dan sosiologi dalam pembentukan dan perkembangan transeksual. [Hafiz Firdaus Abdullah \(2009\)](#) juga menyokong kenyataan tersebut di mana penulis menyatakan faktor peranan ibu bapa, pendidikan seks yang salah, pengalaman hidup, peranan masyarakat dan salah faham terhadap takdir antara faktor pemikiran jantina dan seks berlawanan fitrah. Selain itu, terdapat juga kajian yang menyokong pengaruh aspek sosiologi dalam pembentukan kecelaruan identiti gender di mana dikatakan lingkungan sosial seseorang itu akan mempengaruhi tingkahlaku seksual seseorang dan pandangan ini sokong oleh beberapa kajian yang menunjukkan bahawa pengaruh rakan, media dan kumpulan merangsang ke arah transeksual ([Sharifah Munirah Timmiati , 2011](#)).

Manusia melalui pengalaman yang berbeza dalam membentuk siapa diri mereka. Faktor-faktor seperti baka dan persekitaran sering kali dikaitkan apabila menerangkan isu perbezaan individu. Mat Saat Baki (2001), Rozienah Hussein (1988) dan pakar-pakar lain (Meriam Omar Din, 2001, Noriah Ishak, 2001), juga menyatakan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada biseksual iaitu pengalaman kanak-kanak di mana peranan ibu bapa dalam menggalakkan tingkahlaku kanak-kanak digunakan sebagai pengalaman dan garis panduan untuk tingkahlaku masa depan oleh kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh,

memakaikan pakaian lelaki kepada anak perempuan. Seterusnya pengalaman seksual (Diamant,1998) di mana amalan biseksual oleh seseorang boleh membangunkan kecenderungan personal seseorang, jantina mana yang memberikan lebih kepuasan dari aspek seksual. Hormon juga turut menyumbang kepada permasalahan ini apabila lebih hormon progesteron menyebabkan seseorang cenderung bertingkah laku seperti wanita. Pengalaman eksperimental turut menyumbang sekiranya seseorang itu melakukan hubungan seksual dengan jantina yang sama dan pengalaman ini lebih disukai, mungkin amalan ini akan diteruskan. Akhir sekali pengalaman traumatik semasa kanak-kanak. Pengalaman seperti rogol, cabul, dera dan sebagainya mungkin akan menyebabkan seseorang itu membuat generalisasi membenci lelaki. Oleh yang demikian, penerokaan dan pemahaman terhadap pengalaman hidup golongan transeksual mungkin boleh memberi idea kepada pihak berkaitan untuk memikir, merancang dan melaksana Program, modul dan aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh golongan ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memahami pengalaman hidup yang telah dilalui oleh golongan transeksual. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk memahami pengalaman golongan transeksual semasa zaman kanak-kanak dan remaja, mengetahui hubungan transeksual dengan keluarga, mengetahui pekerjaan yang dilakukan oleh golongan transeksual ini. Di samping itu, kajian ini adalah untuk melihat kehidupan sosial golongan transeksual itu sendiri.

Untuk mencapai tujuan tersebut, persoalan-persoalan kajian berikut dikemukakan:

1. Apakah pengalaman zaman kanak-kanak dan remaja?
2. Bagaimana hubungan golongan transeksual dengan keluarga?
3. Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh golongan transeksual?

4. Bagaimana kehidupan sosial golongan transeksual?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pemilihan pendekatan kualitatif dalam kajian ini adalah kerana penerangan yang terperinci tentang pengalaman sebagai transeksual oleh responden diperlukan bagi memenuhi objektif kajian. Situasi ini membolehkan pengkaji memahami dan melihat dari sudut pandangan responden mengenai pengalaman yang dilalui oleh pengkaji. Penggunaan kaedah ini bersesuaian dengan isu yang dibangkitkan oleh pengkaji iaitu memahami pengalaman subjektif transeksual. Dengan penggunaan kaedah ini, penyelidik berupaya memahami kehidupan dan pengalaman responden dari sudut pandangan responden sendiri. Memandangkan kajian ini bertujuan untuk memahami pengalaman subjektif transeksual, pendekatan fenomenologi dan teknik temu bual digunakan.

Sampel

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan. Pengkaji memilih tiga orang responden transeksual lelaki kepada perempuan sebagai sampel kajian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pemilihan sampel dilakukan secara bebola salji (*snow ball*). Pengkaji memilih seorang responden, seterusnya responden tersebut mencadangkan calon responden lain yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Lokasi ketiga-tiga responden adalah di sekitar Lembah Kelang.

Alat Kajian

Temubual yang dijalankan adalah temubual separa struktur. Oleh yang demikian, penyelidik telah memastikan maklumat yang ingin diperolehi berdasarkan isu yang dikaji. Penyelidik juga telah menyediakan soalan-soalan yang mungkin akan ditanya semasa temubual berdasarkan respon responden. Untuk memastikan tiada maklumat yang tertinggal semasa temubual dijalankan, penyelidik membuat senarai semak soalan. Seterusnya temu bual dijalankan adalah lebih dari sekali bagi memastikan maklumat yang diperlukan diperolehi sepenuhnya dan juga meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan maklumat yang didapati.

Pendekatan fenomenologi menumpukan kepada pengalaman sama ada fenomena atau kejadian yang dialami oleh seseorang dan takrifan mereka mengenai pengalaman yang telah dilalui (M.Puveneswary, Radziah Abdul Rahim, R.Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Norashima Abd. Aziz, 2008). Pengalaman individu transeksual ini akan memfokuskan kepada pengalaman zaman kanak-kanak dan remaja dan pengalaman selepas zaman persekolahan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran

Kajian ini, kesahan merujuk kepada sejauh mana penyelidik melaksanakan pentafsiran dengan benar dan tepat, manakala kebolehpercayaan pula menggambarkan sejauh mana pengkaji melaksana dan melaporkan penyelidikan dengan jujur dan tepat. Oleh yang penyelidik telah menggunakan beberapa strategi dalam meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini. Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan bahasa yang difahami, mahir dan paling selesa digunakan oleh responden semasa temubual dijalankan.

Penyelidik kemudiannya menggunakan kaedah triangulasi terhadap data yang diperoleh seperti merujuk kepada teori dalam mengesahkan data, sumber utama data adalah dari responden dan tinjauan pustaka serta penyelidik memerhatikan cara berpakaian, cara bercakap dan tingkahlaku verbal dan nonverbal responden. Sebelum menjalankan kajian, penyelidik telah membuat kerangka teori dalam penyelidikan yang dijalankan. Di samping itu, penyelidik telah merekod perbualan dan membuat transkrip lengkap dan menjalankan temubual lebih dari sekali.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Zaman Kanak-kanak dan Remaja

Aspek pengalaman hidup dalam zaman kanak-kanak dan remaja digabungkan bersama memandangkan pada tempoh ini, responden aktif bersosialisasi, masih berada dalam zaman persekolahan dan telah mula mengenal pasti kecenderungan jantina dan seksual. Golongan transeksual ini menyatakan zaman kanak-kanak dan remaja mereka penuh dengan kekeliruan dan konflik identiti di mana mereka telah mempunyai kecenderungan ke arah jantina yang berbeza, mereka sering diejek sebagai pondan, mereka juga tidak berminat dengan permainan dan aktiviti yang dikaitkan dengan lelaki. Tambah mengelirukan mereka juga mendapat galakan dari guru serta rakan-rakan perempuan walaupun mereka mempunyai perwatakan dan ciri-ciri sebagai seorang wanita. Maka, golongan transeksual ini mula mendapat kumpulan kecil (klik) bersama dengan golongan yang sama jenis dengan mereka. Ada juga golongan transeksual ini menyatakan bahawa zaman kanak-kanak dan remaja mereka diceritakan sebagai pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran, sering ponteng, hidup miskin, pernah berhenti sekolah dan terus bekerja.

Hasil temubual, menggambarkan bahawa golongan transeksual ini lebih suka berkawan dengan rakan perempuan di sekolah berbanding dengan rakan lelaki. Golongan transeksual ini juga mengakui bahawa sifat lembut mereka telah wujud sejak mereka kanak-kanak lagi. Ada golongan transeksual yang terlibat dengan aktiviti yang sering dikaitkan dengan peranan lelaki serta berkawan dan bermain dengan budak-budak lelaki sehingga terjadi peristiwa yang mencetuskan kecenderungan seksual mereka terhadap sesama jenis dan seterusnya kecenderungan tersebut diteguhkan oleh pergaulan golongan transeksual bersama ahli kumpulan yang lembut. Namun demikian, faktor sekolah satu jantina mungkin antara faktor golongan transeksual ini kedua kurang berkawan dengan perempuan semasa zaman kanak-kanak dan persekolahan mereka. Situasi ini menggambarkan bahawa terdapat di kalangan transeksual yang menyedari elemen kelembutan yang ada dalam diri mereka sejak mereka kanak-kanak serta meneruskan dan memperkembangkan tingkah laku, pemikiran dan emosi mereka ke arah jantina sebaliknya. Terdapat juga individu yang pada mulanya keliru dengan identiti seksual mereka dan akhirnya memilih untuk menjadi transeksual apabila melihat tingkah laku orang lain yang mempunyai persamaan dengan mereka.

Golongan transeksual mengalami pengalaman diejek dan digelar dengan gelaran yang merujuk kepada lelaki berperwatakan wanita oleh rakan lelaki mereka. Namun demikian, ada sesetengah golongan transeksual menyatakan rakan perempuan banyak memberikan sokongan kepada mereka dan ada golongan transeksual yang menyatakan rakan sekumpulan yang mempunyai ciri lembut menjadi sumber sokongan sesama mereka. Walau bagaimanapun, ada juga golongan transeksual yang menerima perhatian dan simpati guru apabila guru tersebut berusaha mengajar mereka dengan lebih gigih dan melahirkan simpati serta pertolongan dengan mengajar kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran menjahit

apabila melihat perwatakan mereka yang lembut. Keadaan ini dapat menggambarkan bahawa kanak-kanak lelaki yang menyedari bahawa mereka mempunyai elemen kelembutan akan mencari kumpulan yang mempunyai persamaan dengan mereka dan boleh memberikan sokongan kepada mereka sama ada kumpulan tersebut terdiri dari perempuan atau lelaki yang berperwatakan hampir sama.

Dalam aspek pendidikan pula, kebanyakan golongan transeksual ini tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Rata-rata mereka mempunyai pendidikan sehingga sekolah menengah dan ada di antara mereka yang tidak menamatkan sekolah menengah. Ada dalam golongan transeksual ini enggan meneruskan pelajaran seperti di Kolej Perguruan memandangkan mereka tidak lagi dapat mengawal perasaan untuk menjadi transeksual. Ada golongan transeksual yang memutuskan untuk tidak menyambung pelajaran kerana tertekan dengan situasi di sekolah. Manakala terdapat juga golongan transeksual mengambil keputusan untuk berhenti sekolah dan bekerja walaupun tidak menamatkan sekolah menengah.

Pengalaman zaman kanak-kanak dan persekolahan transeksual ini menepati ciri-ciri individu yang mengalami kecelaruan identiti gender seperti yang dinyatakan dalam Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders edisi keempat. Seterusnya, di dalam aspek pengalaman hidup, boleh dikatakan bahawa adalah normal dalam proses perkembangan sosial, manusia membina identiti melalui proses sosialisasi dan pembelajaran sosial, namun, terdapat juga kemungkinan terjadi peniruan dan pembelajaran yang kurang tepat, seterusnya memberi kesan terhadap konsep diri dan pembentukan identiti seseorang. Dalam situasi ini, peranan keluarga, sekolah dan orang-orang yang signifikan adalah penting agar mereka yang memaparkan tingkah laku di luar kebiasaan dapat dibantu lebih awal. Kajian ini mungkin

dapat membantu masyarakat melihat proses pembentukan identiti transeksual dan seterusnya mencetuskan idea baru bagi mengurangkan kecenderungan pengukuhan identiti yang salah.

Seterusnya, terdapat juga dapatan yang menggambarkan bahawa penerimaan maklumat yang salah dan kekeliruan yang tidak diselesaikan bermungkinan mempengaruhi perkembangan peranan jantina kanak-kanak dan seterusnya mereka mempunyai skema peranan jantina yang tidak menurut norma masyarakat. Dapatan ini mungkin dapat menyokong idea yang mengenai lekatan pada tahap-tahap tertentu perkembangan psikoseksual manusia yang dikemukakan oleh Sigmund Freud khususnya dalam aspek kematangan jantina dan juga idea anima animus oleh Carl Jung.

Keluarga

Dalam aspek pengalaman dengan keluarga, golongan transeksual ini mengakui bahawa ahli keluarga perempuan lebih rapat dengan mereka seperti ibu dan adik-beradik perempuan. Namun demikian, hubungan mereka dengan bapa dan adik-beradik lelaki adalah kurang rapat apabila mereka tidak lagi selesa bermain, bergurau dan bersama bapa dan adik-beradik lelaki. Ada dalam kalangan golongan transeksual menyatakan bahawa mereka turut disayangi oleh keluarga. Walaupun terdapat ahli keluarga yang tidak begitu menggemari kecenderungan mereka kepada kewanitaan, namun mereka hanya ditegur secara lembut oleh keluarga terutama ibu dan adik-beradik perempuan. Ada dalam kalangan golongan transeksual menyatakan hubungan dengan adik-beradik lelaki adalah kurang baik semasa kecil kerana mereka merasa marah dan malu kerana mempunyai adik-beradik lelaki yang berperwatakan seperti perempuan, namun akhirnya apabila mereka dewasa, mereka mula menerima perwatakan adik-beradik lelaki yang lembut itu. Secara keseluruhan, keadaan ini

menggambarkan bahawa walaupun terdapat ahli yang bertingkah laku luar dari norma masyarakat, keluarga masih menerima mereka. Dalam situasi tertentu, terdapat juga golongan transeksual yang “mencuba jaya” kecenderungan mereka ke arah jantina sebaliknya dengan melihat respon keluarga terhadap penampilan mereka. Apabila mereka merasakan seolah-olah tingkah laku mereka diterima, mereka memutuskan untuk meneruskan tingkahlaku tersebut.

Dapat dilihat dalam aspek keluarga, walaupun tingkah laku golongan transeksual pada mulanya kurang mendapat respons yang baik, namun, kurang unsur-unsur penegasan dan tindakan awal oleh keluarga untuk membantu golongan ini memahami gender identiti. Dalam keadaan ini, elemen peneguhan, ganjaran dan denda mungkin boleh dikaitkan dalam pembentukan identiti transeksual. Seterusnya, terdapat juga dapatan yang menggambarkan faktor pemakaian dan layanan seperti jantina sebaliknya sejak kecil antara salah satu penyebab pengembangan identiti transeksual responden. Dapatan ini menyokong penulisan **Noraini Mohd Noor et.al (2005) dan Hafiz Firdaus Abdullah (2009) yang** menyatakan bahawa faktor penolakan ibu bapa kerana mereka menginginkan jantina anak yang sebaliknya menyebabkan anak tersebut didedahkan terlalu awal dengan idea maskuliniti dan feminiti, memakaikan anak dengan pakaian yang berlawanan jantina dan cara anak dibesarkan menyumbang kepada pembentukan identiti transeksualism. Situasi ini menggambarkan kepentingan peranan dan fungsi keluarga dilaksanakan dengan berkesan. Keadaan ini boleh dikatakan bahawa ahli keluarga memerlukan kemahiran dan pendekatan tertentu dalam menghadapi dan menguruskan ahli lain yang mempunyai kecenderungan identiti transeksual. Melihat daripada situasi ini, adalah dicadangkan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan dan kesejahteraan institusi keluarga memasukkan teknik, ilmu dan kemahiran kepada ahli keluarga dalam menghadapi isu transeksual.

Pekerjaan

Apabila dilihat dari aspek pengalaman kerja kebanyakan golongan transeksual ini mempunyai pengalaman sebagai pekerja seks sepenuh masa, mahupun secara sambilan kerana telah mendapat pekerjaan yang lain. Mereka melakukan pekerjaan seks secara sambilan kerana ingin bagi menampung keperluan dan kehendak hidup. Ada di antara mereka pernah menjadi pekerja seks sehingga ke Singapura, namun kembali semula ke Kuala Lumpur apabila dirinya hampir dijadikan pekerja seks oleh sindiket di Singapura. Walaupun demikian, ada golongan transeksual yang menggunakan alasan pendidikan rendah sebagai antara faktor mereka bekerja sebagai pekerja seks.

Seterusnya, terdapat kajian terdahulu yang mendapati bahawa kebanyakan golongan transeksual terlibat dalam aktiviti pelacuran atau seks berbayar. Melalui kajian ini, boleh dikatakan bahawa transeksual yang mempunyai kemahiran tertentu kurang terlibat dalam aktiviti tersebut kerana mereka mempunyai sumber pendapatan yang berupaya menampung kehidupan mereka. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dilaksanakan oleh **Teh Yik Koon** yang mendapati daripada 507 responden, seramai 54% daripada mereka merupakan pekerja seks dan hampir semua (92%) tidak melakukan kerja seks tetapi sekali sekala akan mengadakan hubungan seks berbayar. Walaupun kajian ini dilaksanakan pada tahun 1998, namun gambaran dapatan yang diperolehi seolah-olah masih menunjukkan trend yang hampir sama.

Golongan transeksual ini mempunyai kemahiran tertentu dan menggunakan kemahiran yang mereka miliki ke dalam dunia pekerjaan seperti kemahiran menjahit. Ada dalam kalangan

golongan transeksual ini sering bertukar-tukar kerja dan melakukan pelbagai pekerjaan dalam satu-satu masa. Mereka juga sering bertukar kerja kerana bosan dan juga terpaksa berpakaian seperti lelaki.

Melalui kajian ini, boleh dikatakan bahawa transeksual yang mempunyai kemahiran tertentu kurang terlibat dalam aktiviti tersebut kerana mereka mempunyai sumber pendapatan yang berupaya menampung kehidupan mereka. Situasi ini menggambarkan bahawa ekonomi merupakan antara faktor penting golongan ini terlibat dalam aktiviti seks berbayar. Oleh yang demikian, latihan dan kemahiran insaniah (*soft skills*) terhadap golongan transeksual dilihat dapat membantu golongan ini bekerja dalam bidang kemahiran sebagai sumber pendapatan. Dalam situasi ini kerjasama bijak (*smart partnership*) di antara agensi Kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dengan golongan transeksual dalam memberikan mereka latihan dan kemahiran insaniah, pengurusan kewangan dan penjanaaan ekonomi perlu dipertingkatkan bagi membantu golongan ini menjana pendapatan sendiri. Dalam jangka panjang inisiatif ini mungkin dapat membantu meningkatkan kebolehpayaan golongan transeksual berusaha mendapatkan sumber pendapatan dengan cara yang baik dan mengurangkan penglibatan transeksual dalam aktiviti pelacuran dan mengurangkan penularan penyakit hasil dari aktiviti seksual berbayar. Namun demikian, bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai faktor keterlibatan transeksual dalam aktiviti pelacuran, kajian selanjutnya perlu dilaksanakan dengan mengambil kira bilangan responden, demografi, latar belakang dan sebagainya.

Faktor golongan transeksual ini datang ke Kuala Lumpur juga berbeza. Ada transeksual datang ke Kuala Lumpur kerana tidak mahu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih

tinggi. Ada transeksual pula datang kerana ingin bekerja dan ada juga transeksual pula kerana mengikut kekasih. Namun demikian, keberanian memperjudikan nasib di Kuala Lumpur boleh dikatakan turut digalakkan oleh rakan dan kekasih. Perkara ini menggambarkan bahawa keinginan transeksual ini berhijrah ke tempat lain turut dipengaruhi oleh seseorang dan hidup sebagai pekerja seks adalah pilihan sendiri seperti mana yang diceritakan bahawa walaupun dua daripada mereka telah mempunyai pekerjaan, namun masih menjadi pekerja seks untuk mendapatkan wang tambahan dan keseronokan. Selain itu, faktor mempunyai kemahiran mungkin boleh membantu golongan transeksual menghindarkan diri mereka dari menjadi pekerja seks.

Kehidupan sosial

Bagi aspek kehidupan sosial, dapatan kajian ini akan melihat dari sudut pergaulan dengan rakan, teman istimewa, layanan masyarakat terhadap golongan transeksual, penyesuaian yang dilakukan oleh golongan transeksual dalam masyarakat dan aktiviti masa lapang.

Golongan transeksual ini masing-masing boleh dikatakan boleh bergaul dengan mana-mana jantina dalam aspek pergaulan mereka seharian, namun mereka telah meletakkan had-had tertentu dalam pergaulan berdasarkan keselesaan mereka. Mereka lebih selesa berkawan dengan golongan sealaran iaitu golongan transeksual di atas pelbagai faktor seperti minat yang sama dan saling memberi sokongan antara satu sama lain sesama golongan transeksual. Golongan transeksual tersebut masing-masing mempunyai konsep tersendiri dalam aspek pergaulan di mana mereka menggambarkan bahawa terdapat perbezaan antara pergaulan dengan lelaki, perempuan dan transeksual. Ada golongan transeksual yang menimbangkan

faktor agama dalam memilih jantina rakan di mana mereka menghormati isu aurat wanita dan sedar bahawa antara mereka dan wanita mempunyai batasan tertentu.

Dalam aspek teman istimewa pula, daripada pernyataan mereka semasa ditemubual, boleh dikatakan bahawa mereka mempunyai naluri untuk disayangi oleh jantina sebaliknya. Disebabkan mereka merasakan diri mereka wanita, maka naluri tersebut dilorongkan kepada lelaki. Hasil temu bual mendapati golongan transeksual mengakui bahawa organ seksual mereka boleh berfungsi dengan baik, tetapi dengan rangsangan lelaki. Walau bagaimanapun, golongan transeksual memaklumkan bahawa rangsangan akan terganggu apabila pasangan menyentuh atau melihat alat sulit mereka sebelum melakukan hubungan seks. Pada kebiasaannya juga keinginan seksual dan perlakuan seksual golongan transeksual ini tidak timbul jika dirangsang secara seksual oleh wanita, begitu juga dengan organ seksual mereka. Dalam aspek pemilihan kriteria teman lelaki, masing-masing mempunyai pandangan sendiri, di mana ada golongan transeksual yang memilih kriteria lelaki yang mempunyai sifat-sifat yang kontra dari diri mereka sendiri, memilih kriteria teman lelaki yang boleh melayan mereka dengan baik dan romantik dan ada golongan transeksual yang tidak meletakkan kriteria tertentu teman lelaki yang diinginkan, namun lebih menyerahkan kepada Tuhan untuk membantu mereka memilih teman hidup mereka. Golongan transeksual ini berpendapat bahawa hubungan cinta bagi mereka bukan sekadar hubungan seksual tetapi turut melibatkan kasih sayang, kesetiaan, tolak ansur dan perkongsian emosi seperti pasangan suami isteri yang normal.

Seterusnya, dalam isu layanan masyarakat, masing-masing mengakui bahawa walaupun pada masa kini, masyarakat dilihat boleh menerima mereka, namun terdapat juga di kalangan ahli masyarakat yang masih prejudis terhadap mereka. Dalam situasi ini mereka bersetuju bahawa

sikap dan cara pergaulan transeksual dalam masyarakat adalah penting untuk mereka diterima. Elemen seperti komunikasi yang baik, cara penampilan yang bersopan, cara berpakaian yang tidak menjolok mata, kesabaran, tolak ansur, kawalan diri dan sanggup menghadapi risiko penerimaan masyarakat atas pilihan menjadi transeksual antara beberapa faktor yang dinyatakan untuk golongan ini diterima dalam masyarakat. Namun demikian, terdapat golongan transeksual yang mengakui bahawa mereka pernah dilayan dengan buruk oleh masyarakat ketika kecil dan remaja, namun layanan telah bertambah baik apabila dewasa. Golongan transeksual ini juga menyatakan bahawa penerimaan masyarakat sekarang lebih baik berbanding dahulu.

Melalui temubual, pengisian aktiviti masa lapang golongan transeksual ini tidak jauh berbeza. Golongan ini menyatakan bahawa mereka lebih banyak menghabiskan masa mereka di rumah. Mereka juga telah mempunyai kehidupan yang agak stabil di mana di mana mereka ini telah mempunyai sumber pendapatan tetap dan tempat tinggal.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini mungkin boleh membantu mereka menilai diri mereka dan mungkin boleh membantu mereka menambah baik kualiti kehidupan mereka. Dalam perkhidmatan kaunseling pula, terdapat mitos bahawa mereka yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling merupakan mereka yang bermasalah, namun dapatan kajian ini mungkin dapat memberi persepsi baru masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling dalam pelbagai aspek kehidupan.

Selain itu, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan ilmiah kepada pengamal kaunseling, ahli psikologi, ibu bapa, individu, ahli akademik dan penggubal dasar untuk

mengambil kira aspek transeksualism dalam penulisan, pelaksanaan polisi dan dasar, perkhidmatan kaunseling dan sebagainya.

KESIMPULAN

Dalam hidup bermasyarakat, setiap individu memerlukan bantuan dan sokongan pihak lain bagi meneruskan kehidupan. Kekangan perundangan dan penerimaan masyarakat mungkin antara faktor golongan ini terlibat dalam gejala sosial seperti pelacuran dan sebagainya. Walaupun tiada angka rasmi berkaitan pelacuran oleh transeksual, namun perkara ini banyak dibincangkan dalam media dan juga oleh Badan Bukan Kerajaan (**Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed, 2009**). Golongan ini juga mungkin terdedah kepada pengangguran, kemiskinan, keciciran, bunuh diri, penyakit jangkitan seksual, gelandangan dan sebagainya. Bagi mereka yang mengalami situasi sebenar sebagai transeksual, pengalaman yang dilalui mungkin boleh menjadi panduan untuk para pengkaji mencari jalan bagi membantu golongan ini dan merancang langkah pencegahan lebih awal terhadap mereka yang berpotensi sebelum mereka bergerak ke tahap transeksual sebenar (*true transsexual*).

Secara keseluruhan walaupun beberapa dapatan kajian dilihat menunjukkan trend yang hampir sama dengan kajian yang telah dilaksanakan hampir 15 tahun dahulu dan beberapa kajian lepas, namun terdapat beberapa dapatan lain yang boleh digunakan untuk memahami golongan ini khususnya dapatan berkenaan elemen pencetus, penerimaan sosial, pemikiran, emosi dan tingkah laku. Kajian ini juga dapat membantu masyarakat memahami pemikiran, emosi dan tingkah laku golongan transeksual supaya mereka dapat dibantu dari terjerumus kepada kegiatan yang tidak bermoral dan dinafikan hak sebagai sebahagian ahli masyarakat. Bagi kaunselor dan mereka yang terlibat dalam kerja-kerja sosial pula, kajian ini diharap

dapat membantu mereka memahami, menambah pengetahuan dan membuat persediaan dalam mengendalikan isu-isu berkaitan transeksual.

RUJUKAN

David I. Rowland & Luca Incrocci (2008). *Handbook of sexual and gender identity disorders*.

John Wiley & Sons, Inc. New Jersey.

Farawahida Mohd Yusof dan Sharifah Munirah Timmiati (2011). *Lelaki lembut: faktor dan*

kesan terhadap pembentukan sahsiah mahasiswa. UTM Press

Geetanjali Misra dan Radhika Chandiramani (p. 99, 2005). *Sexuality, gender and rights:*

exploring theory and practice in South and Southeast Asia. SAGE Publications. India

Pvt. Ltd.

Gordon Marshall (1998). *Oxford Dictionary Of Sociology*. Oxford University Press.

Hafiz Firdaus Abdullah (2009). *Islam, jantina dan seks*. Percetakan Impian Sdn. Bhd.

Harry Benjamin (1999, 1966). *The transsexual phenomenon*. Copyright of the electronic

edition by Symposion Publishing, Düsseldorf, 1999. Originally published by The

Julian Press, Inc. Publishers, New York (1966).

Hirschfeld, Magnus. 1923. Die intersexuelle Konstitution. *Jahrbuch für sexuelle*

Zwischenstufen 23: 3–27.

Koeswinarna (p.2, 2004). *Hidup sebagai waria*. LKIS Yogyakarta.

Louise Diamant & Jo Ann Lee (2002 p.4-6, 145). *The psychology of sex, gender and jobs:issues and solutions*. Praeger Publishers.USA

M.Puveneswary, Radziah Abdul Rahim, R.Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan dan Norashima Abd. Aziz (2008). *Qualitative research: data collection & data analysis techniques*.Universiti Utara Malaysia Press.

Mat Saat Baki (2001). Ujian psikometrik identifikasi kecelaruan gender. *Konvensyen PERKAMA ke 10: Kaunseling Kecelaruan Gender (12-13 Mei, 2001)*. Persatuan Kaunseling Malaysia.

Meriam Omar Din (2001). Pendekatan dan proses kaunseling kecelaruan gender. Konvensyen PERKAMA ke 10: Kaunseling Kecelaruan Gender (12-13 Mei, 2001). Persatuan Kaunseling Malaysia

Noraini Mohd Noor, Jamil Farooqui, Ahmad Abd. Al-Rahim Nasr, Hazizan Md. Noon, Shukran Abdul Rahman (2005).*Sexual Identity: effeminacy among university students*. International Islamic University Malaysia.

Noraih Mohd Ishak (2001). Terapi kecelaruan gender (Terapi "Object-Relation"). Konvensyen PERKAMA ke 10: Kaunseling Kecelaruan Gender (12-13 Mei, 2001). Persatuan Kaunseling Malaysia

Person, E., and Ovesey, L. (1974a). The transsexual syndrome in males. I. Primary transsexualism. *Am. J. Psychotherapy* 28; 174-193.

Person, E., and Ovesey, L. (1974b). The transsexual syndrome in males. II. Secondary transsexualism. *Am. J. Psychotherapy* 28; 4-20

Rogers, C. (1957) The necessary and sufficient conditions of therapeutic personality change, *Journal of Consulting Psychology*, 21 (2): 95-103

Rozienah Husain (1988). *Lesbianisme: Satu kajian perpustakaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Penulisan Universiti Malaya.

Ruth K. Westheimer and Sanford Lopater (2002 p.73-75). *Human sexuality: a psychosocial perspective*. Lippincott Williams & Wilkins.USA.

Sabitha Marican and Mahmood Nazar Mohamed (2006). *Estimating the number of sex workers in Malaysia*. Era Visi Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Schaefer, L. C., & Wheeler, C. C. (1995). Harry Benjamin's first ten cases (1938-1953): A clinical historical note. *Archives of Sexual Behavior*, 24(1), 73-93.

Stoller, Robert (1968). *Sex and Gender: On the Development of Masculinity and Femininity*, Science House, New York City.

Szuchman, Lenore T. & Frank Muscarella, (2000). *Psychological Perspectives on Human Sexuality*. New York: Wiley,

Teh Yik.Koon (1998). *Understanding the problems of Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia*. South East Asia Research, Vol.6, No. 2, July.